

**Kesederhanaan Bukan Sebagai Majoriti Senyap - Jusuf Kalla  
Bernama  
18 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Kesederhanaan di seluruh dunia hendaklah memainkan peranan untuk menjalin kemakmuran dan menjaga maruah negara masing-masing, kata bekas naib presiden Indonesia Jusuf Kalla.

Beliau bagaimanapun berkata "majoriti senyap" perlu bangkit untuk menentang ekstremis, yang ada, sehingga, mengaburi nilai-nilai baik yang lain dalam komuniti yang sama.

"Dalam banyak kes, ekstremis bukanlah jumlahnya yang banyak. Seperti di Indonesia, orang akan memikirkan bahawa ramai Muslim radikal yang melampau kerana pengeboman dan sebagainya, tetapi ia hanya jumlah yang kecil. Kesederhanaan adalah besar, tetapi mereka adalah majoriti senyap," katanya pada sesi panel khas di Persidangan Antarabangsa mengenai Pergerakan Kesederhanaan Global (ICGMM) di sini pada Rabu.

Beliau berkata kesederhanaan dan demokrasi memainkan peranan yang sama dalam mencapai keamanan dan kesaksamaan, dan semua negara janganlah takut untuk membuat perubahan sungguhpun akan menerima akibatnya.

"Banyak cara untuk melaksanakan demokrasi dan salah satu ialah melakukan peralihan yang baik. Indonesia juga mengalami perubahan daripada kerajaan kuku besi kepada demokrasi. Kita mesti mengambil risiko. Tetapi tanpa peralihan baik, konflik akan bangkit," kata beliau.

Sementara itu, Pengerusi Yayasan Ramadhan yang beribu pejabat di United Kingdom, Shaykh Muhammad Umar menekankan bahawa komuniti dunia perlu mengikiskan pemikiran sempit dalam kehidupan agama untuk mengekalkan keamanan dunia.

Beliau berkata bagi mengelakkan konflik antara agama, pemahaman antara semua kepercayaan mestilah ditingkatkan.

"Muslim janganlah berfikir sempit dan mestilah menggalakkan sikap baik hati, tetapi jangan dengan cara melampau. Paling penting ialah untuk bersatu dan memastikan semua cabaran dihadapi dengan bijaksana," kata beliau.

Kemudian semasa sesi soal jawab, Jusuf berkata, bukanlah mudah untuk memberhentikan konflik antara agama di seluruh dunia, dan sehubungan itu menggesa satu dialog antara kepercayaan untuk menerangkan perkara itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640962>